


**IRSYAD HUKUM (PANDUAN HUKUM) BIL. 29**  
**HUKUM PEMAKAIAN TAYAM**

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak telah memperaku keputusan Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak Kali Ke-229 yang bersidang pada 23 hingga 25 Safar 1444H bersamaan 20 hingga 22 September 2022M sebagai Irsyad Hukum (Panduan Hukum) mengenai Hukum Pemakaian Tayam. Jawatankuasa berpandangan bahawa hukum pemakaian tayam adalah seperti berikut:

- a) **Haram** hukumnya kepada seseorang Muslim yang memakai tayam dan dikira berdosa disebabkan perlakuan tersebut;
- b) **Wajib** ke atas pelakunya menghilangkan pemakaian tersebut dan diminta segera bertaubat;
- c) **Elakkan** berimamkan mana-mana pemakai Tayam ketika solat berjemaah kerana perbuatan haram secara nyata membawa kepada kefasikan.

Jawatankuasa Fatwa Negeri Perak menyarankan pihak berkuasa penjara atau Agensi Anti Dadah Kebangsaan menyediakan bilik khas bagi mana-mana banduan atau tahanan yang mempunyai pasangan untuk memenuhi keperluan seksual mereka. Hal ini sebagai alternatif bagi membendung tabiat pemakaian tayam serta hubungan songsang (sesama jantina) dalam kalangan mereka.

Tarikh : 18 Oktober 2022  
No. fail : MN.Pk.A351.IST/05/9 JLD.9

Saya yang menjalankan amanah  
  
(Dato' Haji Wan Zahidi bin Wan Teh)  
Mufti Negeri Perak Darul Ridzuan